

Headline **Program didik jadi penderma darah berjaya**
Date **20 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **95 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,204**
PRValue **3,611**



Program didik jadi penderma darah berjaya

KUALA LUMPUR: Kesedaran orang ramai, terutama belia berusia 20 hingga 30 tahun terhadap pendermaan darah semakin meningkat hasil pelbagai program kesedaran yang dijalankan secara meluas sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pakar Patologi Pusat Darah Negara (PDN), Dr Norris Naim, berkata nisbah individu pernah yang menderma darah dengan penderma baru di Malaysia adalah 50:50, tetapi jumlah penderma berulang masih perlu dipertingkatkan dengan setiap seorang menderma sekurang-kurangnya sekali setahun.

"Setakat ini, bekalan darah mencukupi, tetapi kita

berharap orang ramai terus menderma kerana kita memerlukan lebih 2,500 unit stok darah pada satu-satu masa," katanya pada program derma darah sempena Hari Darah Sedunia 2010 di Stesen Monorel Tun Sambanthan, Brickfields di sini, semalam.

Program berkenaan turut menerima kunjungan pelakon Umie Aida tanda sokongan bagi Majlis Aids Malaysia serta turut dihadiri Eksekutif Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran KL Star Rail Sdn Bhd (KLSR), Nuraziah Abdullah.

Sementara itu, Nuraziah berkata, program terbabit diadakan dua kali setahun sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial syarikat berkenaan.



Umie Aida